

HORIZON DIDAKTIK DALAM NARATIF ANIMASI *UPIN & IPIN*: ANALISIS SEMIOTIK PEIRCE

Didactic Horizons in the Animated Narrative of Upin & Ipin: A Peircean Semiotic Analysis

Mohd Saipuddin Suliman^{1*}, Nur Liyana Masturah Zamri², Azean Idruwani Idrus³, Mohamad Suhaizi Suhaimi⁴ & Aminnudin Saimon⁵

^{1, 3, 4, 5} Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Pagoh, Johor, Malaysia

²Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

¹saipuddin@iium.edu.my*; ²c20a1261@siswa.umk.edu.my; ³azeanidruwaniidrus@iium.edu.my; ⁴msuhaizi@iium.edu.my; & ⁵deanamin@iium.edu.my

*Penulis koresponden

Diterima: 18 Sept 2025; **Disemak semula:** 21 Okt 2025 **Diterima:** 25 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Suliman, M. S., Zamri, N. L. M. ., Idrus, A. I. ., Suhaimi, M. S. ., & Saimon, A. . (2025). Horizon Didaktik dalam Naratif Animasi Upin & Ipin: Analisis Semiotik Peirce. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 37-48. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.4.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.4.2025>

ABSTRAK

Didaktisisme merangkumi nilai dan unsur pengajaran yang disampaikan dalam sesebuah karya sastra dengan tujuan membentuk pemahaman serta memurnikan tingkah laku masyarakat. Dalam konteks penulisan skrip, penerapan didaktisisme amat signifikan kerana mampu memupuk generasi muda agar lebih peka terhadap nilai moral dan etika yang berkait rapat dengan kehidupan seharian. Medium animasi yang sering dilihat sebagai bahan hiburan turut berperanan sebagai wahana pendidikan yang berkesan untuk menyampaikan mesej berunsur pengajaran. Kekurangan kajian mendalam mengenai elemen didaktisisme dalam animasi tempatan menjadi dorongan utama kepada pelaksanaan kajian ini. Makalah ini menganalisis secara rinci elemen didaktisisme yang terdapat dalam siri animasi *Upin dan Ipin* menerusi episod Aku Sebuah Buku menggunakan teori semiotik Peirce sebagai kerangka analisis utama. Pengaplikasian pendekatan kualitatif dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan analisis tekstual selain merujuk kepada sumber dalam talian untuk menghuraikan makna simbolik yang berkaitan dengan elemen didaktik. Dapatan kajian menunjukkan episod Aku Sebuah Buku menampilkan pelbagai unsur pengajaran yang berasaskan bentuk puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Simbol-simbol yang digunakan dalam bentuk naratif kesusasteraan ini dapat ditafsirkan secara jelas menerusi teori semiotik Peirce, sekali gus memperkukuh mesej didaktik yang ingin disampaikan kepada penonton. Kajian ini diharapkan dapat memperluas perbincangan berkaitan fungsi sastra dalam medium animasi serta membantu generasi muda menghargai nilai kesusasteraan dalam konteks perkembangan semasa.

Kata kunci: Didaktisisme, *Upin dan Ipin*, Semiotik Peirce, Sastra Melayu

ABSTRACT

Didacticism encompasses values and teaching elements conveyed in a literary work with the aim of shaping understanding and refining societal behavior. In the context of creative writing, the application of didacticism is particularly significant, as it can nurture younger generations to be more aware of moral and ethical values closely linked to daily life. Animation, often regarded merely as a source of entertainment, also serves as an effective educational medium for conveying instructive messages. The lack of in-depth studies on didactic elements in local animation motivated the implementation of this study. This paper provides a detailed analysis of the didactic elements present in the animated series Upin & Ipin through the episode Aku Sebuah Buku, using Peirce's

Semiotic Theory as the primary analytical framework. A qualitative approach was applied through library research and textual analysis, supplemented by online sources to interpret symbolic meanings related to didactic elements. The findings indicate that the episode Aku Sebuah Buku presents various teaching components based on traditional Malay poetic forms, such as pantun, syair, gurindam, and seloka. The symbols used in the narrative can be clearly interpreted through Peirce's Semiotic Theory, thereby reinforcing the didactic messages conveyed to the audience. This study is expected to broaden discussions on the role of literature in animation and to assist younger generations in appreciating literary values within the context of contemporary development.

Keywords: Didacticism, Upin & Ipin, Peirce's Semiotics, Malay Literature

PENGENALAN

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, sekali gus memperlihatkan kedudukannya sebagai warisan penting yang perlu dihargai oleh seluruh rakyat. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi lambang identiti nasional, malah mengandungi kekayaan tradisi yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Kehalusan sastera Melayu turut mencerminkan pemikiran masyarakat lampau yang bukan sahaja beradab, tetapi juga menampilkan susunan bahasa yang indah. Menurut Salmah (1981), sastera merupakan satu bentuk seni yang berakar daripada pengalaman manusia. Setiap karya yang dihasilkan membawa nilai tersendiri yang perlu diteliti agar manfaatnya dapat diwariskan kepada generasi seterusnya.

Dalam perkembangan teknologi visual, animasi didefinisikan sebagai pergerakan yang terhasil daripada gabungan imej, model atau objek yang direka menggunakan komputer (Cambridge Dictionary Press, 2008). Pada peringkat awal, animasi hanya dihasilkan dalam bentuk dua dimensi, namun kemajuan teknologi turut menghasilkan pelbagai bentuk baharu termasuk animasi berasaskan CGI serta animasi yang beroperasi dalam lima dimensi.

Siri animasi *Upin dan Ipin* yang diperkenalkan pada tahun 2007 oleh Les' Copaque Production, diasaskan oleh pasangan suami isteri Burhanuddin Radzi dan Ainon Ariff yang turut meminjamkan suara mereka bagi watak sampingan. Siri ini pada mulanya memberi tumpuan kepada pengalaman dua beradik kembar menjalani ibadah puasa bagi memperkenalkan kefahaman asas tentang Ramadan kepada kanak-kanak Malaysia. Menjelang musim ketiga, siri ini terus berkembang sehingga ditayangkan di Disney Channel Asia, dengan fokus yang lebih luas melibatkan kehidupan mereka bersama rakan-rakan.

Semiotik pula merujuk kepada kajian tentang tanda dan makna yang berkaitan dengan budaya, masyarakat dan sistem perlambangan. Teeuw (1984) menyatakan bahawa semiotik ialah satu bentuk komunikasi yang meneliti bukan sahaja struktur huruf, tetapi juga penyampaian mesej yang ingin ditujukan kepada khalayak.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan meneliti elemen didaktisisme yang terdapat dalam episod *Upin dan Ipin* bertajuk Aku Sebuah Buku melalui penerapan teori semiotic Peirce. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, topik berkaitan didaktisisme dalam episod ini masih belum banyak diteroka oleh penyelidik, sekali gus menguatkan keperluan kajian ini dilaksanakan.

Perwatakan individu lazimnya mencerminkan identiti diri dan sering menjadi asas kepada persepsi awal masyarakat terhadap seseorang. Thomas Lickona (2013) menjelaskan bahawa karakter merupakan gambaran nilai budaya yang boleh diperhatikan sama ada pada peringkat individu mahupun kelompok. Dalam konteks ini, siri animasi *Upin dan Ipin* telah lama dikenali sebagai karya yang menampilkan ciri-ciri kemasyarakatan Malaysia. Latar kampung yang digunakan memberikan rasa dekat kepada penonton tempatan, manakala penonton luar negara berpeluang memahami norma serta budaya masyarakat Malaysia melalui penyampaian cerita yang santai tetapi bermakna.

Selain itu, siri animasi ini kerap memaparkan unsur didaktisisme, khususnya melalui watak Jarjit, seorang kanak-kanak lelaki berketurunan India yang sering berpantun dalam setiap dialognya. Keunikan tersebut menonjolkan nilai positif yang dapat memperluas pengetahuan bahasa dan budaya dalam kalangan penonton muda. Meskipun setiap episod mengandungi nilai tersendiri, episod *Aku Sebuah Buku* menampilkan kelainan kerana memperkenalkan sosok seorang sasterawan negara, tokoh yang kebanyakan kanak-kanak kurang kenal.

Penggunaan teori semiotik Peirce dalam kajian ini bertujuan mengenal pasti dan mentafsir perlambangan yang membawa elemen didaktisisme dalam siri animasi tersebut. Melalui bahasa yang sesuai serta gaya penyampaian yang halus, kajian ini menekankan kepentingan memasukkan unsur didaktik dalam animasi popular bukan sahaja untuk penonton tempatan, malah bagi memperkukuh citra kesusasteraan Melayu di peringkat antarabangsa.

KAJIAN LITERATUR

Halina Sendera Mohd. Yakin dan Andreas Totu (2014) mengemukakan kajian bertajuk *Perspektif Semiotik Peirce dan Saussure: Ringkasan Kajian Perbandingan* yang diterbitkan dalam *Procedia Social and Behavioral Sciences*, Universiti Malaysia Sabah. Kajian tersebut dijalankan bagi membandingkan dua pendekatan tokoh utama dalam teori semiotik. Dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif, penelitian dilakukan terhadap sudut pandangan kedua-dua sarjana berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi dan semiotik berkait rapat melalui perkongsian konsep seperti simbol, makna, lisan, bukan lisan serta kod. Pendekatan semiotik juga dilihat sesuai untuk mengkaji budaya kerana melibatkan proses komunikasi sebagai fenomena budaya.

Berikutnya, kajian oleh Mana Sikana (2001) bertajuk *Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera* diterbitkan dalam *Jurnal Bahasa*, membincangkan makna teori semiotik dalam konteks tanda bahasa dan wacana sastera. Mana Sikana menegaskan bahawa teori semiotik membantu untuk menjelaskan makna yang tersirat menerusi pemanfaatan unsur simbolisme dalam sesebuah teks. Seterusnya, Nur Azliza Mohd. Nor dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) melalui kajian bertajuk *Kerangka-Kerangka Kajian Lepas untuk Meneliti Protagonis Wanita dalam Filem Melayu*, diterbitkan dalam *Akademika*, meninjau kajian-kajian lepas berkaitan empat filem arahan U-Wei. Kajian ini menggunakan beberapa teori termasuk feminisme, semiotik dan psikologi bagi memahami pembentukan watak protagonis.

Dian Nurrachman (2001) pula menjalankan kajian bertajuk *Teks Sastra dalam Perspektif Semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce*, diterbitkan dalam *Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*. Beliau menekankan keperluan memahami falsafah di sebalik teori bagi menguasai konsep semiotik dengan baik. Berdasarkan pendekatan deskriptif kualitatif, kajian tersebut menunjukkan bahawa teori semiotik mampu membezakan pelbagai perlambangan yang memiliki unsur tekstual yang bermakna.

Sementara itu, Prisca Budi Juwitasari (2020) mengemukakan kajian bertajuk *Representasi Perpustakaan dan Pustakawan dalam Filem Serial Animasi Upin dan Ipin, Aku Sebuah Buku: Sebuah Analisis Semiotik*, diterbitkan dalam *Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, Universiti Islam Negeri Sayyid Ali Rahmatullah Tulungagung, Indonesia. Penyelidikan ini meneliti gambaran realiti perpustakaan serta tugas pustakawan sebagaimana digambarkan dalam episod *Aku Sebuah Buku*. Menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan teori semiotik Charles Sanders Peirce, kajian tersebut memperlihatkan pelbagai ragam pengunjung dan peranan pustakawan dalam mengurus bahan bacaan. Kajian tersebut akhirnya menekankan kepentingan membina minat membaca dan menghargai bahan ilmiah.

Seterusnya, Fina Makhabbatillah (2020) menjalankan kajian bertajuk *Analisis Aktivitas Perpustakaan dalam Filem Animasi Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku - Satu Penelitian Teori Semiotika Roland Barthes*, yang diterbitkan dalam *Pustaka Karya: Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi*. Kajian ini memerhati rutin kerja pustakawan melalui analisis konotasi dan denotasi menggunakan

pendekatan kualitatif semiotik. Dapatan kajian menunjukkan penjagaan rapi koleksi bahan ilmiah, penyusunan dan penyimpanan sistematik serta penyediaan perkhidmatan mesra kepada pengunjung memainkan peranan penting dalam mengendalikan sesebuah perpustakaan dan pada masa yang sama menarik minat orang ramai datang ke perpustakaan.

Pada sisi lain, Siti Khodijah, Mustopa Kamal dan Yosep Farhan Dafik Sahal (2020) bertajuk Analisis Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Serial Animasi Anak Upin dan Ipin Musim ke-10, diterbitkan dalam *Tarbiyah al-Aulad: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*. Kajian tersebut meninjau nilai ketuhanan, akhlak dan ibadah yang dipaparkan dalam musim ke-10 siri tersebut melalui pendekatan kualitatif semiotik. Berdasarkan dapatan kajian, animasi ini mengandungi elemen pendidikan Islam yang sesuai untuk kanak-kanak dan remaja bagi menyuburi akhlak dan jiwa mereka ke arah kebaikan.

Akhir sekali, kajian oleh Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015) bertajuk Citra Wanita Melayu dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin, diterbitkan dalam *Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial* meneliti representasi wanita dalam siri animasi tersebut. Menggunakan teori feminisme dan kaedah kualitatif, kajian tersebut mendapati bahawa wanita dalam animasi ini tidak digambarkan sebagai lemah, malah menunjukkan kekuatan moral, ketabahan dan ciri keagamaan.


Secara kesimpulan, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan pelbagai pendekatan, perspektif dan bidang tumpuan yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Beberapa persamaan yang ditemui antara kajian lepas dengan kajian pengkaji telah banyak membantu dalam mengukuhkan asas teoritikal serta memberikan rujukan yang boleh menyokong pembangunan kajian semasa. Melalui persamaan tersebut, pengkaji berupaya membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang elemen yang dikaji dan menambah nilai baharu kepada perbincangan ilmiah.

Sementara itu, segenap perbezaan yang wujud dalam kajian lepas dengan kajian pengkaji memperlihatkan ruang yang masih belum diterokai secara menyeluruh. Perbezaan ini amat penting untuk menegaskan kerelevanan dan keaslian kajian yang dijalankan, selain membuka peluang untuk menyumbang maklumat tambahan kepada bidang ilmu yang berkaitan. Dengan mengambil kira kedua-dua aspek persamaan dan perbezaan tersebut, kajian ini berpotensi melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam penyelidikan terdahulu serta menjadi asas kepada penerokaan lanjut oleh penyelidik pada masa akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan memberi tumpuan kepada analisis babak yang menyisipkan karya sastera dalam episod Aku Sebuah Buku, animasi Upin dan Ipin. Episod ini dibahagikan kepada tiga bahagian dengan jumlah durasi sekitar 18 minit, dianalisis menggunakan kerangka teori semiotik Peirce bagi mengenal pasti perlambangan yang berkaitan dengan elemen didaktisme. Penekanan khusus diberikan kepada cara penyampaian dialog serta penggunaan bahasa dalam setiap adegan bagi memastikan objektif penyelidikan dapat dicapai dengan jelas. Semua unsur sastera yang dikenal pasti dalam episod berkenaan akan direkod dan disusun secara sistematik untuk memudahkan penyelidik memberikan justifikasi yang tepat dalam setiap babak.

Secara teoritikal, semiotik merujuk kepada kajian mengenai tanda dan cara yang dapat difahami melalui proses yang dinamakan semiosis. Proses ini terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu representamen, objek dan interpretan. Pemahaman Peirce mengenai semiotik dapat dihuraikan secara ringkas melalui *Genuine Triadic Diagram*. Rajah 1.0 di bawah memvisualkan sifat kompleks tanda dalam menyampaikan makna berdasarkan kaca mata teori semiotik Peirce.



Rajah 1: *Genuine Triadic Diagram* oleh Charles Sanders Peirce

Representamen (Lambang/ Kata) dalam Semiotik Peirce

Peirce menyatakan bahawa *representamen* terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*. *Qualisign* merujuk kepada kualiti yang menjadikannya sebagai tanda tertentu (Paul Cobley & Litza Jansz, 1998). *Sinsign* ialah tanda yang dapat diperhatikan secara nyata tanpa memerlukan kod atau petunjuk tambahan. Contohnya, latar tempat episod *Aku Sebuah Buku* yang berada di perpustakaan jelas menunjukkan ciri ini kerana terdapat pelbagai jenis buku dan bahan bacaan ilmiah. Akhir sekali, *legisign* ialah tanda umum yang membentuk sebahagian daripada sistem kod. Dalam konteks karya sastera, elemen seperti jenis tumbuhan, burung dan haiwan yang dekat dengan masyarakat Melayu merupakan *legisign* kerana ia melambangkan perwatakan Melayu yang akrab dengan alam semula jadi dan nilai budaya tempatan.

Objek (Benda) dalam Semiotik Peirce

Dalam teori semiotik Peirce, *objek* dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *ikon*, *indeks* dan *simbol*. *Ikon* ialah tanda yang merujuk kepada objek dengan sifat yang sama, menjadi ikonik apabila terdapat persamaan jelas antara tanda dan objek yang diwakilinya. Kris Budiman (1999) menyatakan bahawa diagram, peta atau lukisan memiliki sifat ikonik kerana persamaan yang nyata dengan objek yang digambarkan.

Indeks pula merupakan tanda yang wujud akibat berlakunya sesuatu fenomena atau peristiwa. Mana Sikana (2001) menjelaskan bahawa indeks menunjukkan kesan daripada sesuatu kejadian, seperti lubang peluru yang wujud akibat tembakan. Jika tiada tembakan berlaku, lubang tersebut tidak akan terbentuk dan manusia menggunakan nalurinya untuk mentafsir kejadian yang berlaku.

Akhir sekali, *simbol* merujuk kepada tanda yang dibentuk berdasarkan peraturan umum dan idea kolektif. Menurut Aart Van Zoest (1993), simbol menunjukkan hubungan antara tanda dengan perlambangannya yang ditentukan secara konvensional dan diterima umum.

Interpretant (Makna/Fikiran) dalam Semiotik Peirce

Paul Cobley dan Litza Janz (1998) menyatakan bahawa *interpretant* adalah kesan ketara yang selalunya dianggap sebagai tanda dalam fikiran yang merupakan hasil daripada pertemuan dengan tanda tersebut. Pernyataan ini menunjukkan *interpretant* adalah sebuah fikiran secara terus mengenai sesuatu tanda selepas mengenal pasti mengenai tanda tersebut. *Interpretant* dibahagikan kepada tiga iaitu *Rheme*, *Dicent Signs* dan *Argument*. Aart Van Zoest (1993) menyatakan *rheme* merupakan satu tanda yang dapat mewakili sesuatu perkara. *Dicent sign* pula merupakan sebuah tanda yang benar-benar nyata. Puji Santosa (1993) menyatakan tanda merupakan sebuah penanda yang menunjukkan informasi mengenai penanda tersebut. Terakhir, *argument* merupakan sebuah renungan tentang kebenaran.

Secara keseluruhannya, metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah sejajar dengan objektif kajian, iaitu untuk meneliti elemen didaktisisme dalam siri animasi *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku* melalui penerapan teori semiotik Peirce yang menekankan proses pelambangan makna. Pendekatan semiotik yang digunakan membolehkan analisis data dilaksanakan secara lebih sistematik dan teratur, sekali gus menghasilkan dapatan kajian yang jelas, berfokus dan berstruktur.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Siri animasi *Upin & Ipin* berperanan sebagai medium untuk membentuk corak pemikiran kanak-kanak. Menurut Mutolingah (2011), siri ini memiliki kelebihan berbanding animasi tempatan lain kerana menampilkan nilai-nilai pertuturan dan struktur ayat yang jelas serta mudah difahami, sesuai untuk semua peringkat usia. Penambahan elemen didaktik dan aspek pendidikan dalam karya animasi tempatan merupakan strategi efektif untuk memberikan pendedahan awal kepada penonton muda.

Syair Sebagai Alat Pendidikan dalam Animasi *Upin & Ipin*

Syair merupakan bentuk puisi Melayu tradisional yang tersusun dalam rangkap empat baris, di mana setiap baris menyampaikan makna tersendiri. Biasanya, syair memuatkan unsur kiasan yang merangkumi nasihat, pengajaran, nilai keagamaan, sindiran atau cerita sejarah dan dongeng. Setiap baris dalam syair saling berkait dan membentuk kesatuan makna, tanpa bergantung pada pembayang atau rujukan tersirat.

Dalam konteks animasi, elemen sastera ini turut wujud dalam siri *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku*. Dendangan syair oleh Sasterawan Negara Zurinah Hassan muncul ketika semua buku dalam animasi tersebut bimbang mengenai nasib mereka yang berpotensi dilupakan. Syair yang didendangkan berperanan menenangkan suasana dan menekankan nilai pendidikan serta pengajaran yang terkandung dalam naratif animasi.

Jadual 1: Konfigurasi Tanda Didaktik dalam Babak Syair berdasarkan Semiotik Peirce

Fragmen Teks	Klasifikasi Tanda Peirce
Di waktu siang <u>suria memancar</u> , Bila malam <u>bulan bersinar</u> , <u>Hari</u> berganti <u>minggu</u> bertukar, Supaya kita <u>insaf</u> dan <u>sedar</u> .	Representamen (lambang) a) Qualisign (kualiti bahasa) - Suria bukan sekadar matahari secara literal, tetapi mewakili cahaya, kehidupan dan permulaan waktu siang. b) Legisign (kod) - Hukum alam yang menunjukkan matahari sebagai perlambangan kepada waktu siang (pagi). Begitu juga sebaliknya, pada waktu malam pasti ditemani cahaya bulan. - Kajian sains mendapati bahawa sinaran bulan adalah disebabkan oleh pantulan cahaya dari matahari. c) Interpretant (makna) Hujah: - Peredaran siang dan malam melambangkan perjalanan waktu yang tidak berhenti, seterusnya menimbulkan kesedaran bahawa manusia perlu memanfaatkan kehidupan

bersambung

	dengan sebaiknya agar tidak lalai dan menyesal di kemudian hari.
--	--

Menerusi kajian semiotik, kategori *representamen* merujuk kepada tanda yang menunjukkan sesuatu objek melalui kualiti tertentu (*qualisign*). Dalam syair yang dianalisis, penggunaan perkataan *suria* memberi representasi kepada matahari, termasuk dalam kelompok *qualisign*, kerana ia menunjukkan kualiti yang membawa makna tertentu (Bernstein, 1965). Fakhrudin (1981) menekankan bahawa salah satu nikmat yang harus disyukuri adalah kejadian siang dan malam, yang berfungsi sebagai ukuran waktu untuk bekerja dan berehat. Waktu yang sama diberikan kepada setiap manusia, tanpa kelebihan atau kekurangan, oleh itu setiap individu bertanggungjawab menggunakan masa dengan bijak. Elemen didaktik dalam siri animasi ini memberikan pengajaran penting kepada penonton untuk merancang aktiviti harian secara berkesan agar setiap detik membawa manfaat kepada diri sendiri.

Seterusnya untuk kategori kedua, *objek* dapat diwakili oleh ikon, indeks dan simbol. Ikon digambarkan melalui peredaran hari dan minggu yang singkat, mengingatkan manusia tentang keterbatasan masa dalam kehidupan. Indeks menunjukkan bahawa waktu yang terbatas perlu diisi dengan perkara bermanfaat. Menurut Riza Rahmawati (2016), setiap individu perlu merancang kehidupan dengan baik kerana setiap tindakan hari ini mempengaruhi masa depan. Simbol, seperti singkatnya masa siang dan malam, menekankan bahawa manusia tidak seharusnya melakukan perkara sia-sia. Firman Allah S.W.T. dalam (Surah Al-Asr, ayat 1–3) menegaskan kepentingan masa: manusia akan berada dalam kerugian kecuali mereka yang beriman, beramal soleh dan saling menasihati tentang kebenaran dan kesabaran. Ayat ini menekankan bahawa mengabaikan masa boleh membawa kerugian bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.

Kategori terakhir, *interpretant* menekankan makna yang difahami oleh individu melalui pengalaman tanda. Setiap detik dalam kehidupan mempunyai nilai yang penting, lebih-lebih lagi apabila masa dirasakan semakin pantas. Manusia seharusnya menggunakan masa untuk perbuatan berfaedah agar tidak menyesal di kemudian hari. Ajaran Islam menekankan bahawa kejadian siang dan malam adalah peringatan untuk menghargai setiap saat (Surah Al-Furqan, ayat 62). Hal ini selaras dengan nilai didaktik dalam animasi *Upin & Ipin*, yang membantu penonton kanak-kanak membentuk kesedaran tentang kepentingan masa sejak kecil. Pendedahan awal ini dapat memotivasikan mereka untuk merancang kehidupan, menghargai masa dan mengelakkan pembaziran waktu dalam mengejar cita-cita.

Seloka Sebagai Alat Pendidikan dalam Animasi Upin & Ipin

Seloka merupakan salah satu bentuk puisi tradisional Melayu yang berangkap. Karya seloka menggunakan persamaan bunyi pada hujung ayat (*rima*) yang bersifat tidak tetap. Bilangan baris dalam seloka tidak terhad, begitu juga bilangan baris dalam setiap rangkap yang boleh berbeza-beza. Seloka tidak mengikuti skema rima tertentu dan biasanya dikarang untuk menyampaikan kritikan atau sindiran terhadap kepincangan dalam masyarakat. Kritikan dan sindiran tersebut disampaikan secara halus, berbentuk kiasan dan sering kali dibalut dengan nada gurauan untuk menjadikan mesej lebih mudah diterima.

Jadual 2: Konfigurasi Tanda Didaktik dalam Babak Seloka berdasarkan Semiotik Peirce

Fragmen Teks	Klasifikasi Tanda Peirce
Aduhai malang <u>Pak kaduk</u> , Ayamnya menang kampung tergadai, Ada <u>nasi dicurahkan</u> , Awak pulang kebuluran.	Representamen (Iambang) a) Legisign (Kod) - Dalam masyarakat Melayu, watak Pak Kaduk dilambangkan sebagai simbol nasib malang. - Makna Pak Kaduk difahami melalui konvensi budaya / sosial - Ia bukan makna individu, tetapi makna kolektif masyarakat Melayu b) Interpretant (Makna) Hujah: - Melalui watak Pak Kaduk, ditunjukkan bahawa nasib malang yang dialaminya berpunca daripada tindakannya sendiri yang dibuat tanpa pertimbangan yang matang, yang akhirnya membawa kerugian kepada dirinya sendiri. - Unsur didaktik menekankan tanggungjawab individu terhadap keputusan

Dalam kajian semiotik, kategori representamen merujuk kepada tanda yang membawa makna tertentu. Dalam seloka yang dianalisis, watak Pak Kaduk dijadikan perlambangan kepada nasib malang yang dialami oleh individu akibat tindakan sendiri. Shaari (1991) menyatakan bahawa Pak Kaduk memiliki akal dan kebijaksanaan, namun tidak menggunakannya dengan baik, sebaliknya bertindak mengikut emosi dan sifat tamak. Watak ini diceritakan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak bahawa wujud individu yang lebih malang, sekali gus mengajar mereka bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Tuhan. Selain itu, Pak Kaduk berperanan sebagai contoh akibat buruk jika seseorang bertindak tanpa berfikir panjang, sekali gus menyampaikan elemen didaktik yang boleh membantu pembentukan nilai dalam kalangan penonton kanak-kanak, terutamanya melalui animasi *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku*. Menerusi kategori objek, semiotik dapat dibahagikan kepada ikon, indeks dan simbol.

Ikon Pak Kaduk memperlihatkan nasib malang akibat perbuatannya sendiri; sifat cetek akal dan ketidakbijaksanaannya menjadi simbol kepada individu yang bernasib malang (Winstedt, 1969). Indeks dalam seloka ini menunjukkan bahawa tindakan terburu-buru membawa kesan negatif, seperti dalam kisah pertukaran ayam dengan sultan: Pak Kaduk menukar ayamnya dengan ayam sultan tanpa berfikir panjang, akhirnya rumahnya dirampas dan keluarganya terjejas. Simbol pula melambangkan individu yang memiliki kejayaan tetapi merosakkan dirinya sendiri, seumpama pepatah Melayu “sudah ada nasi di tangan, dicurahkan begitu sahaja walaupun sedang kelaparan”. Watak Pak Kaduk menekankan kepentingan ilmu, perancangan dan pertimbangan sebelum bertindak, sejajar dengan pepatah sediakan payung sebelum hujan.

Kategori terakhir iaitu *interpretant* menekankan makna yang difahami daripada tindakan Pak Kaduk. Sikap terburu-buru dan kurang pertimbangan menjadikan beliau malang, sekali gus menjadi pengajaran untuk masyarakat agar sentiasa berfikir panjang sebelum membuat keputusan. Seloka ini juga menanam nilai bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan, serta menonjolkan kebijaksanaan pengarang Melayu dalam menyampaikan kritikan secara sinis dan halus (Shaari, 1991). Watak Pak Kaduk, selain sebagai bahan hiburan, berfungsi sebagai suri teladan yang memperlihatkan akibat buruk tindakan terburu-buru dan pentingnya perancangan dalam kehidupan. Elemen didaktik ini wajar dijadikan contoh pengajaran kerana sifat yang ditonjolkan dekat dengan pengalaman masyarakat Melayu dan mudah difahami oleh penonton muda.

Gurindam Sebagai Alat Pendidikan dalam Animasi Upin & Ipin

Asal usul gurindam berasal daripada bahasa Sanskrit dan merujuk kepada rangkap yang digabungkan menjadi bentuk bidalan. Menurut Md. Ali Bachik (2003), gurindam merupakan kalimat yang memiliki irama tertentu, mengandungi unsur nasihat dan menyerupai bidalan dari segi struktur dan fungsi. Seperti puisi tradisional lain, gurindam mempunyai ciri khas berupa kalimat utama dan anak kalimat (*kalimat induk*), yang biasanya terdiri daripada dua baris dalam satu rangkap dan berfungsi sebagai isi. Gurindam sering terbentuk daripada sebab-akibat sesuatu peristiwa, di mana pengalaman atau pengajaran yang timbul menjadi inspirasi kepada penulisan rangkap tersebut.

Jadual 3: Konfigurasi Tanda Didaktik dalam Babak Gurindam berdasarkan Semiotik Peirce

Fragmen Teks	Klasifikasi Tanda Peirce
Jika diri mengenal <u>Syariat</u> , Pasti <u>hayatnya</u> menjadi berkat.	Representament (lambang) a) Legisign (kod): • Syariat merupakan sebuah hukum dan peraturan yang mesti dipatuhi setiap umat manusia yang beragama Islam. • Syariat difahami melalui sistem hukum agama yang telah ditetapkan, • Berfungsi berdasarkan peraturan dan konvensi agama bukan tafsiran individu. b) Interpretant (Makna) Hujah: • Rangkap ini membawa pengajaran bahawa syariat menjadi panduan hidup umat Islam dan ketaatan terhadap perintah serta larangan agama akan membawa keberkatan dalam kehidupan seseorang.

Dalam analisis semiotik, kategori representamen merujuk kepada tanda yang membawa makna tertentu. Dalam gurindam yang dianalisis, syariat dijadikan representamen yang menunjukkan panduan hidup bagi umat Islam. Menurut Pierce (1965), legisign ialah peraturan atau undang-undang yang perlu dipatuhi, selari dengan konsep syariat yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Kaelany (2000) menekankan bahawa tiga aspek utama dalam Islam iaitu syariat, iman dan ihsan. Ia memerlukan kepatuhan kepada syariat sebagai asas untuk membentuk seorang Muslim yang baik. Tanpa kepatuhan kepada syariat, manusia hidup tanpa panduan yang boleh menimbulkan kerosakan sosial dan salah faham terhadap agama. Oleh itu, syariat berperanan sebagai panduan gaya hidup, memastikan amalan Islam sejati dijalankan dengan penuh kesedaran dan ketaatan.

Bagi kategori objek, semiotik dibahagikan kepada ikon, indeks dan simbol. Ikon syariat menampilkan peraturan yang menjadi tunjang kehidupan Muslim, merangkumi ibadah, hukum keluarga, undang-undang jenayah dan adab sosial (Azhar Ahmad, 2006). Indeks pula mencakupi keberkatan yang diperoleh oleh individu yang mematuhi syariat, di mana pengamalan ajaran Islam secara betul membentuk pemikiran positif dan peribadi yang bermanfaat. Firman Allah S.W.T. dalam Surah Ali' Imran ayat 104 menegaskan bahawa umat Islam harus menyeru kepada kebajikan dan melarang kemungkaran, di mana mereka yang berbuat demikian akan berjaya. Simbol dalam gurindam ini menunjukkan bahawa keberkatan hidup bergantung kepada kepatuhan kepada syariat. Kisah Lion Roche yang memeluk Islam dan menyedari kebenaran ajaran Islam menekankan bahawa mengikuti syariat membawa manusia kepada panduan moral dan kehidupan yang teratur, sekali gus menunjukkan kebenaran dan keadilan dalam kehidupan. Elemen didaktik gurindam ini menekankan kepentingan berpegang kepada ajaran yang benar bagi memastikan keberkatan hidup dan kesejahteraan diri. Kategori terakhir iaitu interpretant menekankan makna yang difahami daripada tanda. Seseorang yang mematuhi syariat akan menjalani kehidupan yang diberkati, mempunyai tujuan hidup yang jelas, dan mudah kembali ke landasan yang benar sekiranya tersasar.

Azhar Ahmad (2006) menyatakan bahawa kepatuhan kepada syariat membentuk individu dengan hati yang teguh, menjaga kehormatan diri dan bersifat pemurah. Elemen didaktik ini berperanan mendidik generasi muda agar mengikuti prinsip hidup yang betul dan membentuk modal insan yang berguna serta berkeperibadian baik, selari dengan nilai yang dijunjung.

Pantun Sebagai Alat Pendidikan dalam Animasi Upin & Ipin

Pantun merupakan salah satu cara masyarakat Melayu tradisional menyampaikan pendidikan, teguran, pantang-larang dan kata-kata semangat. Menurut Za'ba (1965), perkataan pantun berasal daripada istilah sepantun, yang membawa maksud “seumpama” atau “macam”. Pantun diibaratkan seperti peribahasa kerana menyampaikan makna secara halus dan sering digayakan dengan pelbagai bentuk, termasuk sindiran. Bentuk pantun yang paling ringkas biasanya terdiri daripada dua rangkap, manakala yang lebih panjang boleh mencapai empat rangkap, dengan setiap baris mempunyai ikatan makna dan rima akhir yang serasi. Pantun berperanan sebagai medium hiburan bagi nenek moyang, dengan menyelitkan unsur nasihat, jenaka, dan larangan sebagai panduan hidup. Sehingga kini, pantun masih dianggap sebagai pedoman penting dalam budaya Melayu dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2020 sebagai warisan budaya tidak ketara, bersama-sama Indonesia.

Jadual 4: Konfigurasi Tanda Didaktik dalam Babak Pantun berdasarkan Semiotik Peirce

Fragmen Teks	Klasifikasi Tanda Peirce
Bagaimana saya <u>tak</u> ikat, <u>Kait-kait</u> dengan <u>durinya</u> , Bagaimana saya <u>tak</u> ingat, <u>Orang baik</u> dengan budinya.	Representament (Lambang) a) Qualisign (kualiti bahasa) - Perbuatan ‘mengait’ dalam pantun ini melambangkan kualiti hubungan yang saling berhubung antara manusia, sebagaimana benang yang terikat pada cangkuk. b) Interpretant (makna) Hujah: - Pantun ini menyampaikan makna bahawa setiap perbuatan budi dan kebaikan, walaupun kecil akan meninggalkan kesan yang berpanjangan. Seperti benang yang dikait, hubungan baik antara manusia saling berkait dan dikenang menunjukkan kesan moral dan sosial daripada perbuatan yang sederhana.

Dalam konteks *representamen*, pantun menggunakan metafora tumbuhan menjalar seperti pokok gambir (*Uncaria cordata*) yang bercabang dan mempunyai duri berbentuk kait (*qualisign*). Duri ini, walaupun berpotensi mencederakan, juga mempunyai khasiat penyembuhan (Harborne, 1987) yang menunjukkan dualiti: sesuatu yang berbahaya boleh membawa manfaat jika digunakan dengan betul. Perkaitan ini mencerminkan prinsip moral bahawa tindakan baik akan mendatangkan kesan positif, yang mudah difahami oleh kanak-kanak melalui animasi. Konsep ini juga selaras dengan pepatah Melayu “*buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali*”, yang menekankan kesederhanaan dalam perbuatan baik.

Dalam kategori *objek*, ikon pantun ialah sifat dan bentuk kait pada pokok gambir yang menyerupai pengait benang; kedua-duanya tidak dapat dipisahkan kerana saling melengkapi. Indeks menunjukkan bahawa perkaitan atau jaringan yang dijalin antara individu mencerminkan impak positif dalam kehidupan seharian. Pantun tersebut mengajarkan bahawa orang yang berbudi akan dikenang walaupun perbuatan baiknya kecil, kerana memberi kesan yang signifikan kepada orang lain. Simbolnya pula menegaskan bahawa berperibadian baik akan diingati walaupun seseorang tidak sempurna. Sifat tajam

kait menjadi peringatan bahawa walaupun pernah melakukan kesalahan, seseorang harus terus menebarkan kebaikan kepada orang lain. Kategori terakhir, *interpretant*, menekankan makna yang difahami penonton: seseorang yang berbudi dan berperilaku baik akan dikenang serta perbuatan baik meskipun sederhana boleh memberikan impak besar. Bagi kanak-kanak yang mudah menyerap makna, pantun berperanan sebagai medium pembelajaran moral. Elemen didaktik ini, apabila disampaikan melalui animasi *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku*, diharapkan membentuk kesedaran kanak-kanak tentang nilai kebaikan, tanggungjawab sosial dan jati diri yang positif. Selain membentuk individu yang berakhlak, ia turut mencerminkan imej negara, rakyat yang berbudi dan berdisiplin agar dapat memberikan tanggapan positif terhadap Malaysia secara keseluruhan.

KESIMPULAN

Siri animasi *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku* menonjolkan elemen pendidikan dan didaktik yang jelas, khususnya dalam pembentukan pemikiran dan karakter kanak-kanak yang baru mengenal dunia. Elemen didaktik dalam siri ini dapat dianalisis secara terperinci melalui teori semiotik Pierce, yang menekankan perlambangan (*representamen*) dan kaitannya dengan makna (*object* dan *interpretant*). Setiap simbol atau tanda yang ditampilkan membawa makna tersendiri dan saling berkait antara satu sama lain, membolehkan mesej moral dan pendidikan disampaikan secara berkesan.

Dengan menggunakan teori semiotik Pierce, elemen didaktik dalam *Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku* menjadi lebih jelas dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Penonton bukan sahaja terhibur, tetapi juga dapat menerima pengajaran dan pedoman hidup yang berharga. Hal ini membuktikan bahawa karya sastera, walaupun berbentuk animasi, mampu bergerak seiring dengan peredaran zaman dan terus memainkan peranan penting dalam pendidikan dan pembentukan nilai dalam kalangan kanak-kanak.

Elemen didaktik yang disisipkan dalam siri animasi tempatan ini memberikan pendedahan bukan sahaja kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada penonton dewasa dan pengkaji, bagi menjaga dan memelihara karya sastera agar tidak ditelan zaman. Dalam era globalisasi, kanak-kanak sering terdedah kepada pengaruh budaya Barat yang bertentangan dengan nilai-nilai Melayu, seperti sopan santun, adab harian, dan cara berfikir dalam berkarya. Masyarakat kini cenderung mengagungkan karya Barat kerana ia lebih diiktiraf di peringkat antarabangsa, sekali gus mengabaikan karya tempatan yang sama hebatnya.

Siri animasi ini membuka mata dan minda masyarakat untuk menilai sastera dan watak Melayu dengan lebih serius, kerana jika bukan masyarakat sendiri yang mengangkatnya, tiada pihak lain yang akan melakukannya. Animasi ini membuktikan bahawa sastera masih relevan dan mampu mengekalkan keaslian jati diri masyarakat Melayu di mata dunia. Dari perspektif pengkaji pula, keterlibatan sastera dalam animasi menepis stereotaip bahawa sastera lama sudah tidak relevan. Animasi seperti ini memupuk revolusi baru dalam penghasilan karya sastera, memastikan ia terus unggul dan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa, sambil mengekalkan nilai tradisi dan kebudayaan Melayu.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan rakaman terima kasih diucapkan kepada Institut Peradaban Melayu atas kesudian menerbitkan artikel ini, di samping iltizam yang berterusan dalam memperkukuh, memartabat dan mengarusperdanakan penyelidikan ilmiah berkaitan kesusasteraan Melayu. Pengkaji juga dengan penuh takzim merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas dukungan moral dan intelektual daripada rakan seperjuangan yang secara berterusan menjadi wahana pendorong dalam usaha memperluas cakerawala keilmuan dan memperkaya wacana peradaban Melayu.

RUJUKAN

- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah* [Tesis PhD, Fakulti Pendidikan UKM]. UKM Learning and Research Repository. <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/519239>
- Al-Quran. (2019). *Al-Quran dan terjemahannya*. Abdullah Basmeih, Penerjemah. Darul Fikir.
- Al-Razy, Fakhrudin. (1981). *Mafatih al-Ghaib, Jilid 7*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bernstein, R. J. (1965). *Perspectives on Peirce: Critical essays on Charles Sanders Peirce*. Yale University Press.
- Budiman, K. (1999). *Kosa kata semiotika*. Yogyakarta: Gambiran UH.
- Cambridge University Press. (2008). *Cambridge advanced learner's dictionary* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Cobley, Paul & Jansz, L. (1997). *Introducing semiotics*. Victoria: Mc Pherson's Printing Group.
- Harborne, J.B. (1987). *Metode fitokimia: Penuntun cara modern menganalisa tumbuhan* (2nd ed.). Bandung: ITB.
- Juvasari, P. B. (2020). Representasi perpustakaan dan pustakawan dalam filem serial animasi *Upin dan Ipin: Aku Sebuah Buku*. Sebuah analisis semiotik. *Pustaka Karya: Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, 8(1), 22-33.
- Kaelany. (2000). *Islam dan aspek-aspek kemasyarakatan*. Bumi Aksara.
- Khodijah, S., Kamal, M., & Sahal, Y. (2020). Analisis nilai-nilai pendidikan Islam dalam filem serial anak *Upin & Ipin* season ke-10. *Tarbiyat Al-Aulad: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 4(1), 57-86.
- Lickona, T. (2013). *Education for character: Educating children to form character*. Bumi Aksara. Jakarta.
- Md. Ali Bachik (2003). *Khazanah puisi klasik Melayu*. ILADAM.
- Makhabbatillah, F. (2020). *Analisis aktivitas perpustakaan dalam filem animasi Upin & Ipin: Aku Sebuah Buku. Semiotic Roland Barthes* [Disertasi Kedoktoran, State Islamic University Sunan Kalijaga, Indonesia]. Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/42160/>
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak *Upin dan Ipin*. *Journal of Education and Social Sciences*, 2(10), 137-149.
- Mana Sikana. (2001). Teori semiotik: tanda bahasa dan wacana sastra. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 193-212.
- Mutolingah. (2011). Nilai-nilai Islam dalam Upin dan Ipin [Tesis Sarjana, State Islamic University Sunan Kalijaga, Indonesia]. Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/62218/>
- Nurrachman, D. (2017). Teks sastra dalam perspektif semiotika pragmatis Charles Sanders Peirce. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 14(1), 83-88.
- Riza, M. (2016). Pendidikan karakter dalam Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 75-85.
- Salmah Hj. Ayob. (1981). *Sastra untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya*. Universiti Sains Malaysia.
- Santosa, P. (1993). *Ancangan semiotika dan pengkajian susastra*. Angkasa.
- Shaari, R. (1991). *Lukisan zaman*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Teeuw, A. (1984). *Sastra dan ilmu sastra: Pengantar teori sastra*. Dunia Pustaka Jaya.
- UNESCO. (2020). *Education for sustainable development: A global report*. UNESCO. <https://www.unesco.org/en/education>
- Winstedt, R. (1969). *A history of classical Malay literature*. Oxford University Press.
- Yakin, H. S. M., & Totu, A. (2014). The semiotic perspectives of Peirce and Saussure: A brief comparative study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155(1), 4-8.
- Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zoest, A. V. (1993). *Semiotika: Tentang tanda, cara kerjanya dan apa yang kita lakukan dengannya*. Yayasan Sumber Agung.